



SIARAN MEDIA

Harga Runcit Produk Petroleum Bagi Tempoh 21 Mac 2020 sehingga 27 Mac 2020

HARGA MINYAK | 20 MAC 2020



HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 21 MAC SEHINGGA 27 MAC 2020

RON97	RON95	DIESEL
⬇️ 36 sen	⬇️ 38 sen	⬇️ 12 sen
RM1.74 /seliter RM2.10	RM1.44 /seliter RM1.82	RM1.75 /seliter RM1.87

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 21 Mac 2020 sehingga 27 Mac 2020 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. Harga runcit petrol RON97 turun sebanyak 36 sen seliter iaitu daripada RM2.10 seliter kepada RM1.74 seliter;
2. Harga runcit petrol RON95 turun sebanyak 38 sen seliter iaitu daripada RM1.82 seliter kepada RM1.44 seliter; dan
3. Harga runcit diesel turun sebanyak 12 sen seliter iaitu daripada RM1.87 seliter kepada RM1.75 seliter.

Penurunan harga runcit produk petroleum ini adalah disebabkan trend harga minyak mentah dunia yang terus menurun ekoran ketidakpastian ekonomi global akibat pandemik COVID-19.

Di samping itu, Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara terutama PKS dan golongan B40.

[Harga Minyak](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[BERITA HARIAN](#)

[THE STAR](#)